

UIAM jadi pengguna pertama, UMP bangun aplikasi UMP Valid8

e-Scroll atasi isu ijazah palsu

PUTRAJAYA — Kementerian Pendidikan melancarkan Sistem Pengeluaran dan Pengesahan Universiti (e-Scroll) bagi mengatasi masalah ijazah palsu sekali gus memelihara dan menjaga kualiti pendidikan tinggi di negara ini.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Dr. Siti Hamisah Tapsir berkata, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan menjadi institusi pengajian tinggi pertama di negara ini menggunakan sistem itu pada istiadat konvokesyen hari ini.

Menurut beliau, sistem e-Scroll yang menggunakan teknologi blockchain itu dibangunkan oleh satu konsortium disertai enam universiti awam diketuai UIAM.

"Ia susulan rumusan daripada Majlis Dekan-Dekan ICT Universiti-Universiti Malaysia pada Januari lalu.

"Lima lagi universiti ialah Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Teknologi Mara," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



PENGENALAN sistem e-Scroll bakal mengatasi masalah ijazah palsu sekali gus memelihara kualiti pendidikan tinggi di negara ini. — Gambar hiasan

Siti Hamisah berkata, langkah memperkenalkan e-Scroll dibuat berikutan peningkatan bilangan ijazah palsu yang boleh didapati dengan mudah menerusi internet.

Menurutnya, sistem e-Scroll antara lain mempunyai ciri-ciri kod QR yang dicetak pada ijazah sekali gus membolehkan proses pengesahan ijazah dapat dilakukan di mana-mana sahaja yang mempun-

yai jaringan internet.

Susulan pelancaran sistem itu, Kementerian Pendidikan menggalakkan universiti dan institusi pengajian tinggi lain di Malaysia agar segera menyertai konsortium dan menggunakan sistem tersebut.

Sementara itu di Kuantan, **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** memperkenalkan sistem pengesahan ketulenan



TIGA graduan UMP menunjukkan paparan pada aplikasi UMP Valid8 yang memaparkan maklumat diri dan ijazah masing-masing di Kuantan semalam.

ijazah menerusi aplikasi telefon pintar, UMP Valid8.

Naib Canselor UMP Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, ketika ini aplikasi mudah alih ini dapat mengesahkan kesahihan ijazah dengan mengimbas kod QR yang disertakan dalam helaian ijazah.

Aplikasi ini boleh dimuat naik pada semua jenis telefon pintar.